



ANALISIS FAKTOR BEKAS PENGGUNA DADAH TERLIBAT DALAM DAKWAH KEPADA PENAGIH AKTIF: PERBINCANGAN MENURUT HADIS

(Ex-Drug Users Involvement in Dakwah to Active Addicts: Analysis and Discussion of its Factor from the Hadith)

Siti Nora'Aeshah Zakaria¹, Mohamad Hilmi Mat Said², Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad³

^{1,3} *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah*

² *Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah*

Abstract

Usually, duty as a preacher is pioneered by a group of individuals with Islamic studies backgrounds. This is because as a preacher, they have to guide the individual spiritually when needed. Therefore, it is a must for a group of preachers to have a wide knowledge of Islamic studies. However, there is also a group of preachers who have standard knowledge or only know the basics of religion but are active in preaching. This intended group is made up of former drug users who have contributed devotion, time, and energy to making drug addicts awake to the nature of God and faith. Because this contribution of devotion is a challenging task and not so popular, this research is intended to study the main factors contributing to their hard work in delivering preaching for this group of active drug addicts. After that, every factor that has been found will be debated according to the hadith perspective. Thematic methods are used in this research to analyse the data that has been obtained through data collection methodology and an interview with the preacher. The obtained data will be analysed using thematic methods and NVIVO software. The results show that there are 7 reasons that contribute to and motivate preaching: get busy to control addiction; advise others as well as yourself; reduce longing for drugs; get close to religion; help others in need; experience makes them understand active drug users; and also make up for old mistakes that surround people in drug addiction.

Kata Kunci: *Preaching, active addict, former addict, involved factor, hadith*

Article Progress

Received: 29 August 2023

Revised: 18 September 2023

Accepted: 29 October 2023

*Corresponding Author:

Siti Nora'Aeshah Zakaria.
*Fakulti Pengajian Islam,
UNIPSAS.*

Email:

aeshah@unipsas.edu.my

PENDAHULUAN

Pendakwah menggalas tugas yang berat namun murni kerana ianya diwarisi daripada para anbiya'. Tugas ini perlu digalas oleh semua umat Islam terutamanya kepada golongan yang mengetahui agama dengan baik. Hal ini kerana dalam berdakwah, pendakwah perlulah menguasai pelbagai cabang ilmu agama, mengamalkannya agar dapat menjadi contoh kepada golongan yang diseru, sabar, mempunyai motivasi yang tinggi dan berakhlak mulia (Yaacob & Yahaya, 2022), (Norzli et al., 2019). Pendakwah juga perlulah mempunyai personaliti yang menarik, berkepimpinan dalam menyampaikan dakwah, berpenampilan berhikmah dan berwibawa (Zaidi & Muhamat, 2020). Turut dikuatkan antara ciri pendakwah adalah mempunyai penghargaan diri yang tinggi bagi memastikan dakwahnya lebih ke hadapan dan mudah diterima (Hasan & Shah, 2019).

Kriteria yang digariskan di atas adalah sangat kompleks dan bukan semua umat Islam mampu memenuhinya untuk menempatkan diri sebagai pendakwah. Namun, istimewanya di sana terdapat satu golongan yang tidak memenuhi hampir kebanyakan kriteria yang disebutkan tetapi tetap berdiri teguh berusaha untuk menyeru sahabat-sahabat penagih dadah aktif agar kembali kepada tuhan. Mereka adalah sekumpulan individu yang membuka atau bekerja di rumah-rumah pemulihan swasta atau pertubuhan-pertubuhan yang berobjektifkan pemulihan penagih dadah sebagai sasaran. Dapatan kajian menunjukkan semua faktor pendorong adalah

selari dengan sabda Rasulullah SAW.

PERNYATAAN MASALAH

Idealnya negara akan maju dengan memiliki generasi yang sihat fizikal dan mentalnya. Negara mestilah memerhatikan keseimbangan generasinya untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan rakyatnya (Ali et al., 2009). Namun, masalah dadah sangat membimbangkan. Setiap tahun pihak Polis Diraja Malaysia berdepan dengan lebih 100,000 kes salahguna dan penagihan dadah. Kes Jenayah yang disebabkan oleh dadah juga meningkat saban tahun. Lebih menyedihkan 98 peratus penagih terlibat adalah berasal daripada bangsa Melayu (Jasni et al., 2018). Sekiranya masalah ini, tidak dibendung, kesannya akan merencatkan kemajuan, menghapuskan kedamaian dan menjatuhkan ekonomi negara. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mendorong bekas penagih bebas bergiat aktif dalam menyampaikan dakwah kepada penagih dadah aktif sekaligus membincangkannya menurut perspektif hadis Rasulullah SAW. Diharapkan kajian ini akan memberi kesedaran kepada orang awam terutamanya tentang kepentingan tugas dakwah kepada golongan penagih aktif ini dan tidak perlu tunggu sempurna untuk memulakan langkah.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian berkaitan dengan dadah telah dijalankan. Pengkaji merumuskan ada empat skop kajian yang berkaitan dadah yang telah dibahaskan iaitu tentang faktor terjebak dan pengulangan (relaps), kesan buruk penagihan, faktor kepulihan penagih, dan peranan kerajaan. Antara pengkaji yang membahaskan tentang faktor terjebak adalah Ambo et al., (2022), Mohamad Hilmi, (2021), Adam, (2006), Marican et al., (2007), Noor & Kamarudin, (2015) dan Latib et al., (2022). Mereka menekankan punca terjebak adalah kerana amalan merokok, pengaruh rakan sebaya dan tersilap membuat keputusan. Selain itu, punca pengulangan atau relaps pula adalah disebabkan oleh kurangnya akses komuniti dan persepsi masyarakat yang menolak mereka. Pengkaji yang mengkaji tentang kesan buruk penagihan pada sudut hubungan negara, ekonomi dan kemsyarakatan pula adalah Yasid et al., (2021), Awang Drahman et al., (2017) dan Ali et al., (2009). Kajian berkaitan kepulihan juga pelbagai. Kebanyakan menyentuh tentang terapi psikologi, pemulihan melalui kepatuhan kepada agama, amalan-amalan penguat diri daripada mengambil kembali dan modul-modul yang dibina. Antara pengkajinya adalah Kamarudin et al., (2018), Mohamed et al., (2009), (2009), Ibrahim et al., (2017), Sudi et al., (2021) dan ramai lagi. Berdasarkan kepada kajian lepas, pengkaji melihat, tajuk berkaitan sumbangan bekas penagih masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini penting dan boleh membekalkan maklumat kepada pendakwah di luar sana akan kewujudan golongan ini dan bantuan dan sokongan perlu dihulurkan agar usaha kita menarik penagih dadah aktif ke pangkal jalan menjadi lebih bersatu, kuat dan padu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif yang dapat diperhatikan. (Rukin, 2019). Oleh kerana pengkaji ingin mendapatkan faktor yang sama antara punca keterlibatan bekas penagih sebagai pendakwah, penyelidikan ini mengambil bentuk fenomenologi, di mana kaedah kualitatif diterapkan untuk mencari kesamaan makna dari sebuah konsep atau fenomena yang menjadi pengalaman hidup sekelompok individu. Pengkaji juga menggunakan pendekatan induktif kerana kajian ini melibatkan proses pengumpulan dan penafsiran maklumat yang berkaitan dengan faktor keterlibatan, meskipun dalam keadaan sumber ilmu yang terbatas untuk membuat generalisasi dan kesimpulan. Bagi persampelan, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan untuk mengumpul data. Pengkaji boleh memperoleh maklumat dengan menggunakan kaedah temu bual. Penagih dadah adalah satu status negatif dan selalu dikaitkan dengan penipuan, kes curi, rompakan dan pelbagai lagi jenayah sama ada kecil mahu pun besar (Awang Drahman et al., 2017) di semua tempat dan negara. Status ini menjadikan mereka kurang dipercayai dan menjadi bahan prasangka oleh masyarakat. Oleh itu, mendapat kenyataan daripada mereka perlulah diambil daripada individu bekas penagih yang digariskan oleh pihak yang berautoriti

kriterianya. Antara kriteri yang ditetapkan dalam kajian ini adalah beragama Islam, tidak relaps dalam tempoh 20 tahun dan ke atas dan terlibat secara aktif dalam berdakwah dan berkempen kepada penagih dadah untuk kembali ke pangkal jalan. Data yang diperolehi akan dianalisis secara tematik analisis menggunakan perisian NVIVO sebagai alat untuk memudahkan proses menganalisis. Seramai lapan (8) orang informan yang telah dipilih memandangkan kriteria yang ditetapkan adalah sangat ketat. Jadual 1 adalah kesimpulan secara keseluruhan metodologi kajian yang dijalankan:

Jadual 1: Ringkasan Metodologi Kajian

Bil	Perkara	Metode
1	Kaedah kajian	Kualitatif
2	Pendekatan kajian	Induktif
3	Persampelan kajian	Persampelan Bertujuan
4	Teknik pengumpulan data	Temu bual
5	Analisis	Tematik

Latar belakang Peserta Kajian

Kajian ini memilih 7 orang peserta kajian yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Jadual 2 merupakan ringkasan maklumat peserta kajian.

Jadual 2: Latar Belakang Peserta Kajian

Informan	Umur	Tempoh Kepulihan	Negeri
1	53	21 Tahun	Terengganu
2	63	20 Tahun	Pahang
3	61	24 Tahun	Kuala Lumpur
4	67	25 Tahun	Pulau Pinang
5	52	20 Tahun	Perak
6	67	30 Tahun	Pahang
7	62	35 Tahun	Melaka

Informan kajian terdiri daripada pengusaha-pengusaha rumah pemulihan swasta, pengerusi-pengerusi persatuan pemulihan dadah dari seluruh negara. Semua informan adalah lelaki, berusia lebih 50 tahun dan telah meninggalkan amalan ketagihan lebih dari 20 tahun.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati ada tujuh faktor yang mendorong bekas penagih bergerak aktif dalam menyampaikan dakwah kepada penagih dadah aktif iaitu (i) menyibukkan diri untuk mengawal ketagihan (ii) menasihati orang lain di samping memperingatkan diri sendiri (iii) mengurangkan kerinduan kepada dadah (iv) mendekati diri dengan agama (v) membantu mereka yang memerlukan (vi) pengalaman menjadikan mereka lebih memahami masalah penagih aktif dan (vii) menebus kesalahan lampau yang telah menjebak orang sekeliling dengan najis dadah. Perincian bagi setiap faktor adalah seperti berikut:

i. Menyibukkan diri untuk mengawal ketagihan

Ketujuh-tujuh orang informan telah mengakui, menyibukkan diri dengan kerja-kerja dakwah dan turun ke lapangan mengajak penagih dadah aktif kembali ke pangkal jalan boleh mengawal malahan menyebabkan mereka melupakan dadah buat sementara.

“Mesti sibukkan diri, masuk hutan, tolong KKM edar jarum, sambil-sambil tu nasihatkan

mereka, ajak berhenti.”

Peserta Kajian 1

“Aku kena buat kerja ni, aku tak boleh duduk diam, kalau diam jadi susah nak hilang dari kepala ni.”

Peserta Kajian 2

“Orang yang membawa saya pulang adalah ustaz dari Tabligh, jadi dia ajak saya ikut dia gi dakwah dan saya rasa ada kekuatan nak melawan rasa teringin tu.”

Peserta Kajian 3

“Nak berhenti ni tak senang ustazah, jadi kena buat kerja, kena turun padang, baru kira sedar di mana kita dulu.”

Peserta Kajian 4

“Saya sambung belajar, ambil sijil Bahasa Inggeris dan buat kerja-kerja bantu penagih ni supaya saya sibuk, bila saya sibuk saya kurang fikirkan tentang barang tu.”

Peserta Kajian 5

“Sebab apa engkau buat benda baik, sebab ko sedar buat baik tu dapat pahala. Sebab apa aku buat kerja ni, sebab aku nak buang jahat aku.”

Peserta Kajian 6

“Saya bukan orang yang kuat puan, saya memang mohon dengan pengerusi tempat ni, beri saya tugas, sebab kalau saya balik pada keluarga saya, kawan-kawan saya, saya risau saya akan ambil balik.”

Peserta Kajian 7

ii. Menasihati orang lain di samping memperingatkan diri sendiri

Tiga orang informan menyebut, apabila mereka turun ke lapangan menasihati penagih dadah aktif, sekaligus, mereka menyedarkan diri sendiri agar tidak kembali menagih. Proses ini seperti menyelam sambil minum air. Tugas berdakwah bukan setakat disalurkan kepada penagih dadah aktif tetapi turut dalam masa yang sama mengingatkan diri sendiri.

“Bila aku kerja bahagian ni, aku selalu cakap, kalau aku ambik lagi barang ni, buat apa aku dok nasihat orang..aku pun sama.”

Peserta Kajian 2

“Saya turun bagi nasihat ni bukan pada penagih sahaja puan, tapi pada keluarga mereka sekali. Saya pergi rumah dia, saya nasihat semua orang dalam rumah tu. Nasihatkan orang yang tak tau cerita sebenar bab dadah ni, semua kerja ni jadikan kita kuat puan.”

Peserta Kajian 4

“Saya nasihatkan mereka, untuk ingatkan diri saya juga. Eh saya ingatkan diorang, takkan saya nak ambil. walaupun kalau saya nak ambil tu, saya tau, mana saya nak cari, dan saya nak dapat barang tu senang je. Saya tau kat mana boleh dapat.”

Peserta Kajian 5

iii. Mengurangkan kerinduan kepada dadah

Dua orang informan mengakui kerinduan kepada keseronokan mengambil dadah sukar dilupakan. Menyertai program-program dakwah atau mengajak penagih dadah aktif kembali insaf mengurangkan kerinduan mereka kepada dadah. Hal ini kerana, perasaan rindu boleh datang sekiranya mereka tidak duduk dalam kumpulan atau area positif dan kumpulan sokongan secara bersistem.

“Rindu pada benda ni lain puan, puan tak faham. Dia tak akan lupa puan. Sampai sekarang pun, mimpi tetap ada. mimpi datang.. sebab tu dadah ni recovery sampai mati. Tidur mengigau tak habis sampai sekarang. Tapi zaman saya menangih dulu kalau mimpi, tak dapat kena. Sekarang ni siap dapat kena lagi. Siap dapat cucuk lagi. Siap dapat bau lagi..Lain macam. Jadi bila bangun, kena buat benda baik yang mengingatkan susah kita dulu macammana, Buat la kerja baik. Pergi tolong orang ke, apa ke, nak bagi rindu tu tak mari.”

Peserta Kajian 1

“Puan, kalau rindu kat orang yang dah tak ada, puan buat apa? macam tu la kami ni, kena buang benda tu, jadi nak bagi tak ingat, kena pergi bantu orang. Bila seorang kita dapat selamatkan, ma sya Allah Puan, best tu tak terkata. Seronok. hilang la fokus kita pada benda tu.”

Peserta Kajian 7

iv. Mendekatkan diri dengan agama

Tiga informan mengaku, melibatkan diri dalam dakwah menjadikan mereka orang yang dekat dengan agama. Walaupun bukan seorang terlalu taat dengan suruhan Allah, ada masanya mereka juga lalai dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba-Nya, namun kerja dakwah ini, memastikan mereka tidak jauh dari agama.

“Saya ingatkan diorang solat. Dulu saya pun tinggal solat. puasa pun tak. Pastu jujurnya nak dapat penuh lima kali sehari susah. Nak dapatkan lima waktu penuh sekarang pun makan masa la. Cuma sekarang saya walau Susah, walau lewat pun saya tetap solat, kalau dah habis waktu saya akan qadha, yang tu kita memang tak tinggal puan.”

Peserta Kajian 1

“Saya pun pernah lalu mende tu. Jadi bukan saya sekali try je terus berjaya. Tak la. Maksud saya kalau nak berubah tu pergi la solat tapi tak perlula drastik sangat berubah sampai berjubah. Imej tu yang berlebih-lebih. Itulah yang saya sampaikan pada mereka. Jadi saya pun belajar bersederhana, yang penting pergi tambah ilmu.”

Peserta Kajian 3

“Saya ajak mereka qiamullail, mengaji al-Quran. sekaligus, saya pun solat dengan mereka, mengaji dengan mereka. Sebab tu saya suka kerja saya ni.”

Peserta Kajian 4

v. Membantu mereka yang memerlukan

Kebanyakan penagih aktif mempunyai kesedaran untuk pulang ke pangkal jalan. Namun mereka tidak mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk merawat diri. Lima informan telah berusaha keras mencari dana dan bantuan untuk menyediakan keperluan penagih dadah aktif yang ingin bertaubat.

“Saya bernasib baik sebenarnya puan, rezeki Allah, masa saya tengah kerja dengan pengasih tu, Malaysia tengah nak buat production, zaman Mahathir, Jadi Majlis Aids Malaysia masa tu Datin Marina Mahathir. Dia nak buat project ni. yang macam sekarang ni. yang bagi buat test HIV, bagi jarum, buat testing darah. Jadi masa tu diorang nak 5 orang daripada ground, yang ada education sikit, untuk buat kerja ni lah. Jadi saya orang pertama. Tahun 2006 saya kerja dengan Majlis Aids Malaysia. Dana semua daripada Kementerian Kesihatan. Jadi, masa tu saya sempat buka, kalau saya cerita puan, saya sempat buka Indah Life Johor, dan saya buka AARG yang dekat Penang. Satu lagi Ikhlas KL. dan DIC Kuantan. Saya bawak masuk projek kat tempat-tempat ni. sebab apa puan, sebab kita tahu, kalau kita tak usaha nak bantu, sapa lagi nak bantu mereka.”

Peserta Kajian 1

“Kebanyakan penagih ni dah habis duit sebab beli barang tu, ada yang buat jahat, ada yang bongkar tong sampah, cari makanan, jadi aku akan guna isu ni la tuk bantu diorang. Aku bantu diorang masa diorang tengah susah.”

Peserta Kajian 2

“Nak masuk sini, bayarannya RM1000. puan cakap murah sebab 5 kali makan sehari, tapi ada lagi orang cakap mahal puan. Kalau orang tu tak ada duit dan nak berubah, kami pergi cari dana puan untuk tolong dia. Kita memang nak bantu. Yang penting dia nak berubah. Macam tempat kami nak ni sebab nak mohon dana tuk bantu diorang.”

Peserta Kajian 5

“Orang yang saya nak bantu ni puan, dia nak pulih tapi dia banyak alasan, anak-anak la, isteri mak ayah. saya bina 9 pusat di seluruh Malaysia dari untuk kanak-kanak sampai ke orang tua, diorang tak ada alasan nak berubah.”

Peserta Kajian 6

“Janji sekali nak berubah, keluarga pun tolong, buat lagi, janji kali kedua pula, keluarga tolong lagi, kalau dah banyak kali bagi peluang tak berubah juga sapa nak tolong lagi. Tapi kami bekas penagih dadah ni, kami tau penagih dadah, tak boleh bagi dia sekali atau dua kali peluang, mesti bagi berkali, kali, kali mungkin ratusan ribuan kali untuk mereka kembali. Tak ada orang nak tolong diorang, kami la yang kena tolong.”

Peserta Kajian 7

vi. Pengalaman menjadikan mereka lebih memahami masalah penagih aktif

Lima informan mengakui bahawa hanya mereka memahami isi hati seorang penagih. Penagih dadah yang aktif boleh sahaja menipu ibu bapa mereka namun tidak kepada pendakwah yang mahir selok belok mereka berkomunikasi. Mereka bahkan mengakui, mengenali sifat penagih lebih dalam berbanding ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah. Hal ini kerana mereka telah melalui perkara tersebut.

“Banyak la bezanya. kita faham mende tu. Tu yang pertama. Yang keduanya lenggok dia pun kita tahu, dia dah melangkah ke belum. Cara dia cakap pun kita tahu dia bohong ke tak, dia ada bawa barang ke, ha kan.. tu bezanya, puan.”

Peserta Kajian 1

“Ada orang boleh dengan pondok, ada orang boleh dengan penjara, Jadi semua tu melengkap. Cuma bila puan tanya bezanya, situ je lah bezanya. kami lebih tahu. Kadang kita yang lebih marahnya, orang lain lagi baik kadang. Orang lain kalau yang bukan daripada kalangan penagih ni, Kalau penagih mengadu, owh kesiannya. Kita ni cakap tak payahlah. Kita dah pakar lama dalam hal ni. dah masak dah sorang-sorang kepala tu macam mana.”

Peserta Kajian 2

“Mak ayah diorang ni, bila dia tengok anak dia baik sikit je, mula nak ambik anak dia keluar dari pusat pemulihan ni. Diorang cakap anak saya dah sembuh. Puan, diorang tak tahu, penagih dadah ni, kalau dia nak lepas, dia paling pandai berlakon. Kalah pelakon filem. Mak ayah cakap, kami kenal anak kami macammana, Saya senang je cakap, Puan mungkin kenal anak puan sebelum dia menagih dadah, tapi bila dia ambil je dadah, dia dah jadi orang lain, semuanya berubah tak sama dah dengan dulu, dan sekarang, saya lebih faham tentang perangai anak puan melebihi puan.”

Peserta Kajian 5

“Puan tahu tak, depan mak ayah dia, dia cakap saya ambik sikit je, 2 ringgit je sehari. Saya suruh mak ayah dia keluar, saya tanya dia, baik ko cakap betul, ko ambik berapa sehari, dia jawab, 200 ringgit ke 300 ringgit encik. Sebab apa diorang tak tipu bila bercakap dengan saya, sebab dia tau, saya tau kalau diorang menipu. dengan pengalaman saya, diorang lebih mudah percaya kat saya”

Peserta Kajian 6

“Tak ramai orang boleh berhenti dadah, puan. Saya pun tak percaya ada orang boleh sembuh. Masa tu, jadi bila saya dapat life, dapat kehidupan balik. Entah saya minat tu satu juga la. minat tu satu. Yang keduanya semua orang patut diberi peluang. Lebih-lebih saya sembuh kerana saya diberi peluang oleh bekas penagih sebab saya tahu orang luar susah nak bagi peluang kat saya.”

Peserta Kajian 7

vii. Menebus kesalahan lampau yang telah menjebak orang sekeliling dengan najis dadah.

Dua orang informan menyebut, mereka merasa dendam dengan orang yang berprasangka buruk kepada mereka dahulu. Kehadiran mereka selalui diragui walhal mereka tidak pernah berniat melakukan jenayah tersebut. Oleh itu, sebagai cara membalas ketika itu, mereka akan cuba menjebak orang yang disayangi oleh orang yang berprasangka tersebut. Kesilapan itu menjadikan mereka merasa bersalah dan ingin menebus dengan membawa kembali orang-orang yang terjebak disebabkan oleh mereka.

“Seorang penagih, dia boleh hasut sepuluh orang baru jadi junior dia dalam menagih. sama la saya dulu. Jadi saya nak selamatkan balik kaum keluarga, kawan-kawan yang saya dah kacau dulu.”

Peserta Kajian 6

“Saya ustazah, dendam betul, kalau saya tak nak buat, tak de niat, orang cakap saya nak buat. saya tak de niat nak letak dadah dalam makanan, dia cakap saya letak. Ni bukan orang lain, mak-mak saudara kita. Saya jadikan betul anak dia penagih. biar dia rasa. Tapi sekarang ada rasa bersalah tu. Saya kena bantu orang, tuk saya tebus kesalahan lama saya.”

Peserta Kajian 7

PERBINCANGAN

Secara umumnya, pengkaji melihat setiap yang dilakukan oleh pendakwah bekas penagih ini ada dasarnya dalam agama terutamanya melalui Sabda Rasulullah SAW. Pengkaji merumuskan perbincangan ini dengan hadis-hadis berikut yang sangat bertepatan dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada keterlibatan bekas penagih sebagai pendakwah kepada penagih dadah aktif agar kembali ke jalan yang benar. Tema-tema dalil tersebut adalah:

- i. Kita tidak perlu menunggu untuk menjadi orang yang sempurna barulah layak terjun ke medan dakwah. Hal ini kerana tuntutan mengajak orang kepada kebenaran itu adalah tanggungjawab semua insan walaupun dengan ilmu yang sedikit. Sebagaimana hadis di bawah yang bermaksud:

Hadis Riwayat Bukhari

“Sampaikan kepadaku walaupun sepotong ayat.”

Sahih al-Bukhari, Kitab: Ahadith al-Anbiya' SAW, Bab: Ma Zukira 'an Bani Israil, No. 3461

Hadis Riwayat Tirmizi

“Demi diriku yang berada di tangan-Nya, hendaklah kamu semua menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran, atau Allah akan mempercepat hukuman-Nya ke atas kamu, kemudian kamu berdoa kepada-Nya namun Dia tidak memperkenankan doa tersebut.”

Sunan Tirmizi, Abwab al-Fitan ‘an Rasulillah SAW, Bab: al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-Nahy ‘an al-Munkar, No. 2169, Status: Hasan

Bekas penagih tidak menunggu menjadi orang terlalu bersih, mempunyai ilmu yang banyak, malahan kemungkinan kembali *relaps* masih ada, kerana kerinduan mereka kepada dadah adalah tinggi. Mereka terjun ke medan dakwah kepada penagih dadah aktif untuk menyibukkan diri, mengurangkan kerinduan dan sebab terbesar menasihati diri mereka sendiri agar tidak melakukan dosa yang sama. Mereka sampaikan walaupun satu ayat sekadar termampu dengan kemampuan ilmu yang ada.

- ii. Kita tidak perlu menunggu kaya untuk membantu orang yang susah. Golongan pendakwah ini bukanlah terdiri dalam kalangan orang yang kaya, namun kebanyakan daripada mereka adalah terpelajar. Kesemua informan kajian ini memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, Sijil, Diploma, Sarjana Muda malahan yang tertinggi adalah memiliki sarjana dan sedang menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah. Mereka mempunyai pengetahuan berhubung dengan badan-badan tertentu untuk mendapatkan dana bagi memudahkan mereka menyalurkan bantuan. Setengahnya bergiat aktif dalam politik untuk mencari peluang-peluang yang baik untuk manfaat bekas penagih. Sejujurnya, mereka mengakui, gaji sebagai pengurus rumah pemulihan atau elaun sebagai pengerusi persatuan bukanlah besar, malahan mengeluarkan duit poket sendiri untuk membantu anak-anak dan keluarga penagih yang dapat memohon bantuan. Namun, bantuan tetap dihulur kerana kesedaran ingin membantu dan tahu di luar sana masyarakat kurang atau tidak memahami sebagaimana mereka memahami kondisi sebenar penagih. Hadis Nabi SAW yang bermaksud:

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim

“Allah, Yang Maha Tinggi, berfirman, 'Belanjakanlah (pada kebaikan) wahai anak Adam, akan Aku belanja pula atasmu (ditambahkan).”

Sahih Muslim, Kitab: Al-Zakah Bab: Bayan ‘an al-Yad al-Ulya Khair min al-Yad al-Sufla, No. 1036

- iii. Kita membantu orang lain untuk Allah membantu kita. Membantu orang lain, agar Allah membantu kita di dunia dan di akhirat. Hadis nabi SAW bermaksud:

Hadis Riwayat Ibnu Majah

Barangsiapa yang membantu seorang Muslim (dalam) suatu kesusahan di dunia maka Allah akan membantunya dalam kesusahan pada hari kiamat, dan barangsiapa yang meringankan (beban) seorang Muslim yang sedang kesulitan maka Allah akan meringankan (bebannya) di dunia dan akhirat.”

Sunan Ibn Majah, Kitab: al-Sadaqat, Bab: Inzor al-Mu’sir, No. 2417. Status: Sahih

Bantuan-bantuan yang disalurkan adalah bertujuan semoga Allah SWT menjadikan mereka orang yang kuat mendepani kerinduan kepada dadah, dekat dengan agama, dan menebus kesalahan kita di masa lampau. Semoga dengan membantu orang lain, Allah membantu mereka melawan kerinduan tersebut.

KESIMPULAN

Hadis merupakan rujukan umat Islam yang utama selepas al-Quran. Hakikatnya kita kurang menyedari,

semua perkara positif yang kita ingin sematkan dalam kehidupan adalah selari dengan tuntutan hadis. Sebagaimana sumbangan bekas-bekas penagih yang menghabiskan masa mereka ke jalan dakwah adalah sesuatu perkara yang telah tertulis dalam sabda-sabda Baginda Rasulullah SAW. Rasulullah meletakkan dakwah bermula dengan satu ayat Sahaja sebagai panduan, kesempurnaan adalah sesuatu perkara yang subjektif dan sukar ditemui sekiranya ditunggu. Berdakwahlah setakat yang kita layak walaupun kita belum sempurna ilmu dan belum beramalanya sebanyak-banyaknya. Membantulah kita sekadar yang kita mampu, walaupun kita bukan orang yang mempunyai banyak harta kerana hanya Allah SWT yang maha kaya. Didoakan setiap usaha kita dalam dakwah menjadikan kita sentiasa ingat dan takut melakukan apa yang kita peringatkan. Semoga kajian berkaitan penglibatan bekas-penagih ini dikaji secara khusus untuk dijadikan panduan kepada pendakwah dan sukarelawan-sukarelawan yang berhajat mendapatkan data-data berkaitan ini. Diharapkan juga, badan-badan Ngo yang mempunyai sumber kewangan yang kuat, tidak melupakan golongan ini, agar sedikit sumbangan untuk mereka, dapat menjadikan Malaysia negara bebas dadah dapat direalisasikan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada saudara Mohd Azlan Shah Mustafa Kamal yang membantu saya mengumpul data kajian dan Puan Ainon Ayob, Pegawai AADK Pekan yang membekalkan maklumat berkaitan informan dan memberi cadangan-cadangan bernas dalam membentuk kriteria informan serta kepada semua informan yang disanjung dan dikagumi kerana meluangkan masa untuk ditemu bual walaupun semuanya telah menjawat jawatan-jawatan besar dalam organisasi yang disertai.

RUJUKAN

- Adam, M. (2006). *Tingkahtlaku Penagihan Semula Punca-Punca Penagihan Dan Pemulihan Kerohanian*. Tidak diterbitkan PhD Tesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali, J., Hassan, S., & Karim, N. A. A. (2009). Kos ekonomi penyalahgunaan dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 6(5), 107–121.
- Ambo, H., Mokhtar, S., & Thia, K. (2022). Penyalahgunaan Dadah Jenis Syabu dalam Kalangan Masyarakat Islam di Sandakan, Sabah: Faktor Dan Langkah Mengatasinya. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 281–295.
- Awang Drahman, A. N., Abdin Lubis, M. A., Hamzah, M. I., Awang Nazarudin Awang Drahman, Maimun Aqsha, A. L., & Mohd. Isa, H. (2017). Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. *Symposium Pendidikan DiPeribadikan Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*.
- Hasan, N., & Shah, F. A. (2019). Penghargaan Diri (Taqdīr al-Dhāt) Menurut al-Hadith dan Kepentingannya kepada Pendakwah. *Jurnal Usuluddin*, 47(1), 35–66.
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Saim, N. J., Nen, S., & Sani, M. N. M. (2017). Faktor-faktor penyumbang ketahanan diri penagih untuk pulih bebas dadah. *E-BANGI*, 12(1), 60–74.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., Yusoff, J. Z. M., Shahid, K. M., & Azman, Z. (2018). Kekurangan akses kepada jagaan lanjutan dan faktor-faktor risiko yang membawa kepada relaps dadah dalam kalangan bekas banduan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 10(2), 34–44.
- Kamarudin, E. M. E., Sulaiman, W. S. W., Sarnon, N., & Amin, A. S. (2018). Aspek Kesedaran Kendiri Dalam Kalangan Pesakit Di Klinik Terapi Rawatan Dadah Gantian: Satu Kajian Rintis Di Kajang (Self Awareness Among Patients in Drug Replacement Therapy Clinic: A Pilot Study in Kajang). *E-Bangi*, 15(3).
- Latib, M. F. A., Abdullah, N. A. S., & Zaik, F. (2022). Faktor Penglibatan Wanita Dalam Fenomena Penyalahgunaan Dadah. *Asian People Journal (APJ)*, 5(1), 155–168.
- Marican, S., Mohamed, M. N., & Ismail, R. (2007). Trend dan punca penggunaan dadah di kalangan penagih dadah wanita di negeri Sabah: implikasi kepada rawatan dan pemulihan dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal)*, 2(2), 111–136.
- Mohamad Hilmi, M. S. (2021). Faktor Faktor Yang Mempengaruhi Relaps Orang Kena Pengawasan (Okp) Dalam Penagihan Dadah: Kajian Kes Di Felda Keratong. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 37–47.
- Mohamed, M. N., Zakaria, M., & Ghani, S. (2009). Keberkesanan Modul Model Matrix untuk pemulihan penagih dadah dalam setting komuniti: Laporan kajian perintis di AADK Muar, Kota Bahru dan Kota Kinabalu. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 6(2), 1–16.
- Noor, N. M., & Kamarudin, N. (2015). *Kerinduan Atau Ketagihan Terhadap Dadah Punca Belia Kecundang Dan Kembali Menagih*.
- Norzli, N., Abdullah, B., Sham, F. M., Yusoff, Z., Mansor, N. S. A., El Khaiat, M. H. M., & Noruddin, N. (2019). Kajian literatur ciri-ciri pendakwah wanita dalam membina penghargaan kendiri remaja. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 2(4), 114–123.
- Sudi, S., Wazir, R., Salleh, N. M., Usman, A. H., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2021). Membentuk spiritual individu menurut hadis untuk pencegahan dadah: Moulding individual spirituality in accordance to hadiths for drug prevention. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 640–650.
- Yaacob, E., & Yahaya, A. M. (2022). Implementation of da'wah by teachers teaching basic Islamic knowledge to converts (KFAM) in Selangor/Raba'ahadawiah Ahmad@ Yunus, Ezani Yaacob and Amiratul Munirah Yahaya. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 8(1), 1–9.
- Yasid, A. F. M., Zulkifli, N., & Kamaruddin, S. (2021). Penyeludupan Dadah Dari Kawasan Segi Tiga Emas Thailand Serta Kesan Terhadap Keselamatan Sosial Negara Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(3), 41–54.
- Zaidi, N. I. C., & Muhamat, R. (2020). Personaliti Pendakwah Dalam Menyantuni Masyarakat Non Muslim. *Al-Hikmah*, 12(1), 19–36.